

12 menteri 'tikam belakang' PM jadikan Kabinet tidak stabil

Khamis lalu, sehari sebelum pembentangan Bajet 2023, Belalang seperti rakyat seluruh negara menunggu sama ada Dewan Rakyat dibubarkan bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Desas-desus pembubaran dilaporkan hampir semua media dan tular dalam media sosial. Ditokok lagi jadual majlis menghadap mingguan Perdana Menteri ke atas Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara.

Dalam majlis menghadap untuk sesi taklimat mesyuarat Kabinet itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dikatakan akan memohon perkenan baginda untuk membubarkan Parlimen.

Namun, jangkaan itu tak jadi kenyataan apabila Istana Negara dalam kenyataan di Facebook pada malamnya memaklumkan Seri Paduka berkenan menerima menghadap Perdana Menteri untuk taklimat pra-Kabinet.

Menurut kenyataan itu, ia antara aktiviti mingguan atau rutin utama baginda untuk berbincang dan bertukar pendapat bersama Perdana Menteri berkenaan urusan dan isu berkaitan kerajaan.

Namun, sebelum Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong pada jam 4 petang, Belalang terkejut baca media melaporkan Timbalan Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man mengesahkan Perikatan Nasional (PN) menyerahkan warkah ditandatangani 12 menteri daripada pakatan itu kepada Istana Negara menyatakan tidak setuju PRU-15 diadakan tahun ini.

Sehingga kini, Parlimen belum dibubarkan walaupun masih ada desas-desus PRU-15 akan diadakan juga tahun ini, masih dalam musim tengkujuh. Tak mengapa, Belalang rasa kita tunggu perkembangan selanjutnya.

Namun, apa Belalang musykilkan ialah tindakan 12 menteri menandatangani warkah. Mereka dipilih Ismail Sabri dan dilantik Yang di-Pertuan Agong.

Tindakan mereka itu dikatakan perbuatan tikam belakang terhadap Ismail Sabri. Juga melangkaui batasan kerana babitkan pihak istana. Ia sepatutnya diselesaikan di peringkat Kabinet sahaja, tak perlu diheret hingga Istana Negara.

Bagi Belalang, ia mungkin menyukarkan Perdana Menteri mentadbir negara dan membuat keputusan selepas ini kerana 12 anggota Kabinet tidak serasi dengan beliau. Jika Kabinet ini kekal, bukan sahaja politik negara tidak stabil, malah Kabinet sukar membuat keputusan.

Tidak hairanlah Ketua Pemuda UMNO, Datuk Asyraf Wajdi Dusuki mempersoalkan sama ada Perdana Menteri masih memiliki sokongan 12 menteri PN.

Beliau berkata, hanya Perdana Menteri ada hak menasihati Yang di-Pertuan Agong supaya Parlimen dibubarkan.

Begitu juga Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Ahmad Maslan membangkitkan keabsahan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri.

Namun Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin, lain pula pandangannya kerana anggap pendirian PN tidak sokong pembubaran Parlimen tahun ini, tak boleh ditafsirkan sebagai gabungan itu hilang kepercayaan kepada Perdana Menteri.

Tak berpuas hati dengan pandangan ahli politik mungkin membawa agenda parti masing-masing, Belalang dapatkan penganalisis dan ahli akademik.

Pensyarah Kanan Politik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, menjelaskan warkah kepada Yang di-Pertuan Agong ada implikasi besar.

Beliau berpandangan Perdana Menteri sebenarnya hilang legitimasi kerana ada bantahan anggota Kabinet.

BelalangJalanRiong

bhrencana@bh.com.my

"Menteri tidak bersetuju perlu letak jawatan atau jika tidak, Perdana Menteri boleh pecat mereka dan lantik menteri baharu.

"Namun, ini akan beri implikasi sokongan PN kepada beliau. Mungkin sudah hilang majoriti, namun hanya dapat dibuktikan dalam undi percaya di Parlimen atau ikut amalan sebelum ini melalui akuan bersumpah dan mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Soalnya, apa tindakan Perdana Menteri seterusnya? Menurut Mohd Azizuddin, Perdana Menteri boleh terus memecat mereka, namun akan menyebabkan PN menarik sokongan.

Ini menyebabkan kerajaan beliau jatuh dan perlu memohon perkenan untuk bubarkan Parlimen dan PRU-15 diadakan segera seperti dimahukan UMNO. Namun katanya, ini mungkin tidak dimahukan sebahagian rakyat.

Warkah 12 menteri langgar perjanjian

Mengenai warkah 12 menteri itu, beliau berkata, ia melanggar perjanjian antara Ismail Sabri dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana menurut perjanjian itu sebarang masalah perlu diselesaikan secara dalaman.

"Warkah itu tersebar kepada umum. Kandungannya dilihat cuba tangguhkan usaha Perdana Menteri bawa usul bubarkan Parlimen dan beliau tidak dapat konsensus kecuali ia ditarik balik menteri PN dan terus berunding," katanya.

Belalang cuba dapatkan penganalisis politik lain,

kali ini Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berpendapat tindakan itu memperlihatkan sikap 12 menteri membelakangi dan tiada amalan tanggungjawab bersama.

Katanya, mereka seharusnya beri kepercayaan penuh kepada Perdana Menteri selaku ketua kerajaan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam urusan pembubaran Parlimen.

"Tindakan ini juga bagi memperlihatkan Perdana Menteri sebagai lemah dan tidak mampu mengawal tindak tanduk Jemaah Menteri.

"Selain itu, jika dinilai, 12 menteri tidak bersetuju pembubaran Parlimen, apa pula pendirian 20 lagi menteri yang mungkin tidak sehaluan dengan mereka? tanya beliau.

Mohd Izani berkata, dalam perjanjian PN dengan Ismail Sabri berat sebelah yang mengikat tangan dan kaki Perdana Menteri untuk bebas bertindak serta membuat keputusan.

"Kita tidak pasti sama ada pihak istana maklum dengan perjanjian itu, tambahan pula yang melantik adalah Yang di-Pertuan Agong.

"Justeru, hasrat UMNO untuk PRU-15 lebih awal dapat difahami kerana mereka mahu Perdana Menteri dihormati dan kerajaan kukuh untuk mentadbir dan menguruskan negara," katanya.

Bagi Belalang, apa berlaku ini menunjukkan ahli politik perlu timbang betul-betul keputusan diambil supaya tidak kusutkan keadaan seperti kata orang tua-tua, janganlah tindakan kita ibarat tikus membaiki labu dan ingat-ingatlah terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya, apatah lagi ini sudah terlajak menulis warkah.